



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBr.  
Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 23 Mei 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p><b>Bayi Perempuan Berusia Tiga Bulan Meninggal Dunia, Polis Tahan Pengasuh</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-berusia-tiga-bulan-meninggal-dunia-polis-tahan-pengasuh-420651">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-berusia-tiga-bulan-meninggal-dunia-polis-tahan-pengasuh-420651</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/baby-girl-dies-in-sungai-way-babysitter-held">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/baby-girl-dies-in-sungai-way-babysitter-held</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/22/bayi-perempuan-tiga-bulan-maut-di-rumah-pengasuh/">https://malaysiagazette.com/2023/05/22/bayi-perempuan-tiga-bulan-maut-di-rumah-pengasuh/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1104555/pengasuh-ditahan-kes-kematian-bayi-3-bulan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1104555/pengasuh-ditahan-kes-kematian-bayi-3-bulan</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/selepas-adik-kembar-pergi-kakak-pula-maut-di-tangan-pengasuh/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/selepas-adik-kembar-pergi-kakak-pula-maut-di-tangan-pengasuh/</a></p> <p><a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2023/05/22/baby-girl-dies-in-sungai-way-babysitter-held/">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2023/05/22/baby-girl-dies-in-sungai-way-babysitter-held/</a></p>	<p><b>Awani</b></p> <p><b>The Star</b></p> <p><b>Malaysia Gazette</b></p> <p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>FMT</b></p>

2	<p><b>Wanita Diraba 'Lifeguard'?</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969707/wanita-diraba-lifeguard">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969707/wanita-diraba-lifeguard</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/wanita-dakwa-diraba-di-taman-tema-air/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/wanita-dakwa-diraba-di-taman-tema-air/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/pengurus-pemasaran-diraba-dalam-taman-tema/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/pengurus-pemasaran-diraba-dalam-taman-tema/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259781/berita/semasa/saksi-cabul-di-taman-tema-air-diminta-tampil">https://www.sinarharian.com.my/article/259781/berita/semasa/saksi-cabul-di-taman-tema-air-diminta-tampil</a></p>	<p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Utusan</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p>
3	<p><b>Kaki Budak Tiga Tahun Tersepit Di Eskalator Pusat Beli-belah</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kaki-budak-tiga-tahun-tersepit-di-eskalator-pusat-belibelah-420643">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kaki-budak-tiga-tahun-tersepit-di-eskalator-pusat-belibelah-420643</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259730/edisi/johor/kaki-budak-tiga-tahun-tersepit-di-eskalator-pusat-beli-belah">https://www.sinarharian.com.my/article/259730/edisi/johor/kaki-budak-tiga-tahun-tersepit-di-eskalator-pusat-beli-belah</a></p>	<p><b>Awani</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p>
4	<p><b>5,000 Bayi Dilahir Di Malaysia Setiap Tahun Hidap Masalah Jantung</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5000-bayi-dilahir-di-malaysia-setiap-tahun-hidap-masalah-jantung-420672">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5000-bayi-dilahir-di-malaysia-setiap-tahun-hidap-masalah-jantung-420672</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2191201">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2191201</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/22/5000-bayi-yang-lahir-setiap-tahun-mempunyai-masalah-jantung/">https://malaysiagazette.com/2023/05/22/5000-bayi-yang-lahir-setiap-tahun-mempunyai-masalah-jantung/</a></p>	<p><b>Awani</b></p> <p><b>Bernamea</b></p> <p><b>Malaysia Gazette</b></p>
5	<p><b>Wanita Dakwa Jadi Mangsa Gangguan Seksual Prebet Sapu</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259744/berita/semasa/wanita-dakwa-jadi-mangsa-gangguan-seksual-prebet-sapu">https://www.sinarharian.com.my/article/259744/berita/semasa/wanita-dakwa-jadi-mangsa-gangguan-seksual-prebet-sapu</a></p>	<p><b>Sinar Harian</b></p>
6	<p><b>Lelaki Mengaku Tidak Bersalah Rogol Remaja Bawah Umur</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259728/berita/semasa/lelaki-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-bawah-umur">https://www.sinarharian.com.my/article/259728/berita/semasa/lelaki-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-bawah-umur</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/kulai-man-arrested-for-rape-after-18-year-old-delivers-stillborn-baby-in-toilet">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/kulai-man-arrested-for-rape-after-18-year-old-delivers-stillborn-baby-in-toilet</a></p>	<p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>The Star</b></p>

7	<p><b>Bayi 5 Bulan Cedera Tercampak Keluar Dari Lori</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259806/berita/semasa/bayi-5-bulan-cedera-tercampak-keluar-dari-lori">https://www.sinarharian.com.my/article/259806/berita/semasa/bayi-5-bulan-cedera-tercampak-keluar-dari-lori</a></p>	Sinar Harian
8	<p><b>Ibu Tiga Anak Jadi Ketua Keluarga Lepas Suami Kemalangan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/ibu-tiga-anak-jadi-ketua-keluarga-lepas-suami-kemalangan/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/ibu-tiga-anak-jadi-ketua-keluarga-lepas-suami-kemalangan/</a></p>	Kosmo
9	<p><b>Samun Berkumpulan: Polis Tahan Empat Individu Termasuk Seorang Wanita</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/samun-berkumpulan-polis-tahan-empat-individu-termasuk-seorang-wanita-420685">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/samun-berkumpulan-polis-tahan-empat-individu-termasuk-seorang-wanita-420685</a></p>	Awani
10	<p><b>JIM Putrajaya Selamatkan 10 Wanita Warga Indonesia</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259734/berita/semasa/jim-putrajaya-selamatkan-10-wanita-warga-indonesia">https://www.sinarharian.com.my/article/259734/berita/semasa/jim-putrajaya-selamatkan-10-wanita-warga-indonesia</a></p>	Sinar Harian
11	<p><b>Wanita Lari Daripada Polis, Pandu Secara Berbahaya Di Bangi Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-lari-daripada-polis-pandu-secara-berbahaya-di-bangi-ditahan-420662">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-lari-daripada-polis-pandu-secara-berbahaya-di-bangi-ditahan-420662</a></p>	Awani

## Bayi Perempuan Berusia Tiga Bulan Meninggal Dunia, Polis Tahan Pengasuh

Link: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-berusia-tiga-bulan-meninggal-dunia-polis-tahan-pengasuh-420651>

Sumber: AWANI



*Wanita berumur 31 tahun itu ditahan di kediamannya di Petaling Jaya pada 5.30 petang, selepas polis menerima laporan daripada bapa bayi itu pukul 3.56 petang, pada hari kejadian. - Gambar hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Polis menahan seorang wanita yang disyaki melakukan pengabaian ketika mengasuh seorang bayi perempuan berusia tiga bulan, sehingga mengakibatkan bayi itu meninggal dunia, di sekitar Sungai Way di sini, pada 9 Mei lepas.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata wanita berumur 31 tahun itu ditahan di kediamannya di Petaling Jaya pada 5.30 petang, selepas polis menerima laporan daripada bapa bayi itu pukul 3.56 petang, pada hari kejadian.

"Siasatan diteruskan bagi mengetahui punca kematian bayi berkenaan manakala suspek dibebaskan dengan jaminan polis selepas selesai diambil keterangan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan boleh menghubungi balai berhampiran atau menghubungi bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dengan menelefon 03-79662222 bagi membantu siasatan.

-- BERNAMA

## Wanita Diraba 'Lifeguard'?

Link: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969707/wanita-diraba-lifeguard>

Sumber: ASTRO Awani

---



GAMBAR Hiasan

**Kuala Langat:** Polis sedang menyiasat kes cabul membabitkan seorang pengunjung wanita dengan penyelamat (lifeguard) di sebuah taman tema di Saujana Putra, dekat sini, baru-baru ini. Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor@Saleh berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita tempatan berusia 28 tahun pada 18 Mei lalu.

"Siasatan mendapati, kejadian berlaku pada 13 Mei, kira-kira jam 10.30 pagi yang mana mangsa seorang pengurus pemasaran mendakwa diraba di bahagian payudara semasa berada di dalam kolam taman tema air berkenaan.

"Menurut mangsa, kejadian berlaku semasa dia menuruni gelongsor dan apabila sampai di dalam kolam, seseorang menarik dan menyentuh di bahagian depan badan serta payudara semasa dia masih berada di dalam air," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Ridhwan berkata, susulan itu pihaknya membuka satu kertas siasatan bagi menyiasat dakwaan yang dibuat oleh mangsa.

"Kes di disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan atas kesalahan mencabul yang memperuntukkan penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana jika disabitkan kesalahan.

"Mana-mana individu yang menjadi saksi kejadian diminta tampil ke balai polis berhampiran bagi menyalurkan maklumat dan boleh menghubungi bilik gerakan IPD Kuala Langat (03-31872222)," katanya.

Katanya, polis juga mengesan satu laporan di sebuah portal berita berbahasa Inggeris berhubung dakwaan mangsa berkeenaan semalam.

Menurut laporan itu, mangsa ke taman tema air berkeenaan bersama teman lelakinya dan mendakwa diraba oleh salah seorang dari dua 'lifeguard' yang bertugas di kolam berkeenaan ketika itu.

Laporan polis dibuat oleh mangsa di Balai Polis Bandar Kinrara pada 18 Mei lalu.

## 5,000 Bayi Yang Lahir Setiap Tahun Mempunyai Masalah Jantung

Link: <https://malaysiagazette.com/2023/05/22/5000-bayi-yang-lahir-setiap-tahun-mempunyai-masalah-jantung/>

Sumber: Malaysia Gazette



Yayasan MYPRIHATIN memberikan sumbangan dana berjumlah RM100,000 kepada IJNF serta penyerahan 50 hamper kepada pesakit jantung kanak-kanak di Wad Pediatrik IJN.

**KUALA LUMPUR** – Kira-kira 5,000 bayi yang dilahirkan setiap tahun di Malaysia mempunyai masalah jantung berlubang dan kongenital.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, penyakit jantung merupakan antara penyebab utama kematian di Malaysia dengan merekodkan sebanyak 18,515 kematian atau 17.0 peratus.

“Berdasarkan Laporan *The Direct Healthcare Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia* tahun lalu, dianggarkan RM3.93 bilion daripada jumlah keseluruhan RM9.65 bilion kos penjagaan kesihatan pada tahun 2017 diperuntukkan bagi perbelanjaan merawat pesakit jantung. “Oleh itu, bagi mengelakkan penyakit ini dinasihat kepada orang ramai untuk mencegah terlebih dahulu dengan mengamalkan gaya hidup sihat kerana perbelanjaan bagi merawat penyakit ini tidaklah murah.

“Di IJN sendiri, saya melihat telah memberi satu sumbangan yang besar dalam menangani penyakit jantung ini, selain itu diharapkan lebih banyak yayasan lain, terus memberi sokongan

serta mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat menyumbang bagi membantu pesakit-pesakit ini,” katanya.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ditemui media selepas melancarkan Program Myheart Siri Ke-5 dan Kempen Kesihatan Prihatin, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program Myheart Siri Ke-5 dan Kempen Kesihatan Prihatin, di sini, hari ini. Turut hadir pada majlis itu adalah Pengerusi Institut Jantung Negara Foundation (IJNF), Toh Puan Datuk Seri Dr Aishah Ong serta Pengerusi Yayasan MYPRIHATIN, Profesor Datuk Dr Halimaton Hamdan.

Tambah Ahli Parlimen Bandar Tun Razak itu, kebanyakan pesakit jantung kanak-kanak di negara ini memerlukan rawatan pembedahan dengan kepakaran yang kompleks. Namun perbelanjaan kos perubatan adalah sangat tinggi iaitu kira-kira antara RM20,000 hingga RM60,000 seorang pesakit, bergantung kepada status kesihatan jantung mereka. Pada majlis itu turut diadakan, acara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Yayasan MYPRIHATIN dengan IJNF.

Ia bagi menjalinkan kerjasama mengendali dan menampung kos logistik pesakit jantung kanak-kanak yang menghadapi masalah kewangan menerusi program itu.

Dalam pada itu, Yayasan MYPRIHATIN turut memberikan sumbangan dana berjumlah RM100,000 kepada IJNF serta penyerahan 50 hamper kepada pesakit jantung kanak-kanak di Wad Pediatrik IJN.

Sumbangan dana itu adalah bagi kegunaan kos logistik kepada ibu atau bapa pesakit yang perlu menemani ahli keluarga mereka menerima rawatan atau pembedahan di IJN. – MalaysiaGazette

## Lelaki Mengaku Tidak Bersalah Rogol Remaja Bawah Umur

**Link:** <https://www.sinarharian.com.my/article/259728/berita/semasa/lelaki-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja-bawah-umur>

**Sumber:** Sinar Harian



**Remaja lelaki berkenaan tiba ke Mahkamah Sesyen, dengan diiringi polis pada Isnin.**

**JOHOR BAHRU** – Seorang remaja lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen pada Isnin atas dakwaan merogol seorang remaja perempuan bawah umur di Layang-Layang, Kulai, tahun lalu.

Remaja berusia 18 tahun itu membuat pengakuan berkenaan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Siti Noraida Sulaiman.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 26 Jun sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya, Nor Fadilah Johanuddin dan Nur Farah Wahida Shahudin. Tertuduh pula diwakili peguam, Mohammad Muzammil Mohammad Hairiri.

Terdahulu dalam satu kenyataan, Ketua Polis Daerah Kulai, Superintenden Tok Beng Yeow berkata, suspek ditahan sekitar 6 petang, 15 Mei lalu di sebuah rumah di Kluang.

Katanya, suspek telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulai untuk siasatan lanjut.

## Bayi 5 Bulan Cedera Tercampak Keluar Dari Lori

Link: <https://www.sinarharian.com.my/article/259806/berita/semasa/bayi-5-bulan-cedera-tercampak-keluar-dari-lori>

Sumber: Sinar Harian



Anggota bomba guna peralatan khas keluaran seorang wanita yang tersepit selepas lori dinaiki terbabas dan masuk ke dalam parit di Jalan Kayu Ara Pasong, Pontian pada Isnin.

**PONTIAN** - Seorang wanita tersepit manakala dua anaknya cedera termasuk bayi berusia lima bulan yang tercampak keluar dari lori yang mereka naiki selepas terbabit kemalangan di Jalan Kayu Ara Pasong di sini pada Isnin.

Komander operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pontian, Pegawai Bomba Kanan I Mohd Nazri Ahmad Shahidon berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian berkenaan pada jam 3.21 petang.

Susulan itu katanya, seramai 10 anggota dibantu sebuah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke tempat kejadian.

"Kemalangan itu melibatkan sebuah lori jenis Daihatsu Delta yang terbabas sebelum masuk ke dalam parit. Seorang wanita berusia 30-an tersepit di tempat duduk penumpang.

"Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun cedera. Seorang lagi yang turut cedera adalah bayi berusia lima bulan yang tercampak keluar dari lori, manakala pemandu berusia 30-an dipercayai bapa mereka terselamat," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, pihak bomba mengeluarkan wanita yang tersepit menggunakan peralatan khas 'rescue tools' sebelum menghantar mangsa ke hospital menaiki EMRS untuk rawatan lanjut.

## Ibu Tiga Anak Jadi Ketua Keluarga Lepas Suami Kemalangan

Link: <https://www.kosmo.com.my/2023/05/23/ibu-tiga-anak-jadi-ketua-keluarga-lepas-suami-kemalangan/>

Sumber: Kosmo



Nora melihat kaki suaminya selepas terbabit kemalangan ketika ditemui di rumah pasangan itu di Kota Tinggi baru-baru ini.

**KOTA TINGGI** – Seorang wanita mengambil alih tugas menyara keluarga selepas suami yang menjadi tempat bergantung harap terlibat dalam kemalangan empat tahun lalu.

Nora Abdul Ghani, 39, berkata, suaminya, Norazam Badri, 47, sebelum ini adalah pekerja kontrak memakai alat besi di kaki bagi membantu pertumbuhan tulang selepas betisnya patah setelah terbabit nahas melibatkan lori di Pengerang.

Selain kaki, tulang pinggul Norazam juga hancur selain gegaran di kepala sehingga menyebabkan lelaki itu mudah lupa.

“Akibat kemalangan itu, suami dimasukkan ke hospital selama empat bulan dan menjalani tujuh kali pembedahan.

“Kaki kiri suami sepatutnya dipotong, namun dia minta agar anggota itu diselamatkan. Dia sanggup guna tongkat seumur hidup,” katanya ketika ditemui di rumah sewanya di Felda Air Tawar 2 di sini baru-baru ini.

Keluarga itu bernasib baik kerana menerima wang Perkeso sebanyak RM1,020 sebulan, namun masih tidak mencukupi untuk menampung belanja menyebabkan Nora terpaksa membuat kerja

sampingan seperti menjaga kanak-kanak dan warga emas, mengurut dan membersihkan rumah penduduk.

Nora memberitahu, selain menyara tiga anak, dia turut menjaga abang iparnya yang berstatus orang kurang upaya.

“Kos pengangkutan ke hospital RM150 bagi sekali rawatan. Dahulu empat kali sebulan, sekarang dua bulan sekali. Alhamdulillah suami tidak pernah terlepas rawatan lagi setakat ini,” katanya.

Mereka yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke Bank Simpanan Nasional atas nama Norazam yang bernombor **01200-29000-423552**.